



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN MEDIA

YB MENTERI BELIA DAN SUKAN LANCARKAN INISIATIF 1SUKAN 1FASILITI

1. **YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan** telah mengumumkan hasil daripada **inisiatif 1Sukan 1Fasiliti** Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bertempat di **Institut Sukan Negara, Bukit Jalil**.
2. Demi pembangunan sukan, adalah penting semua persatuan sukan kebangsaan (PSK) mempunyai *home-base* atau tempat yang tetap untuk berlatih. Walaupun penyediaan tempat latihan adalah tanggungjawab PSK, inisiatif **1Sukan 1Fasiliti** adalah usaha KBS untuk menyokong PSK dalam usaha mereka untuk mendapatkan **tempat latihan yang tetap** bagi tujuan **pembangunan prestasi dan bakat sukan**.
3. Objektif utama inisiatif **1Sukan 1Fasiliti** ini adalah untuk:
 - 3.1 memperkasakan persatuan sukan agar dapat **meningkatkan kualiti pengurusan dan pembangunan tadbir urus** yang lebih baik, teratur, sistematik dan bertaraf antarabangsa;
 - 3.2 mengoptimumkan **penggunaan fasiliti dan kemudahan sukan** sedia ada, sama ada di bawah pengurusan kerajaan mahupun swasta.
4. Sejak bulan April 2023, KBS telah menerima dan mempertimbangkan sebanyak **lapan (8) permohonan** daripada PSK yang mana telah **dipadankan dengan fasiliti dan kemudahan** di bawah KBS, kementerian/agensi kerajaan dan juga pihak swasta. Perincian adalah seperti berikut:

SENARAI PADANAN DI BAWAH INISIATIF 1SUKAN 1FASILITI

BIL	BADAN/ PERSATUAN SUKAN	JENIS SUKAN	LOKASI FASILITI/ KEMUDAHAN SUKAN
1.	Persatuan Sukan Larian Berhalangan Malaysia (MORSA)	Larian Berhalangan	Ruang Parkir, Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara, Kuala Lumpur
2.	Persatuan Korfball Malaysia	Bola Korf	Dewan Tertutup, Kompleks Sukan Negara (Panasonic), Shah Alam
3.	Persatuan Teqball Malaysia	Teqball	Dewan Serbaguna Akademi Sukan, Universiti Putra Malaysia, Serdang
4.	Persatuan Finswimming Malaysia	Sport Diving & Finswimming	Akademi Sukan, Universiti Putra Malaysia, Serdang
5.	Persatuan Sofbol Malaysia	Sofbol	Padang Sofbol, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
6.		Baseball 5	
7.	Persekutuan Sukan Udara Malaysia (MSAF)	Drone Soccer	MRANTI Park, Bukit Jalil (TPM), Kuala Lumpur
8.	Persekutuan Hoki Ais Malaysia	Hoki Ais	IOI Icescape Ice Rink, IOI City Mall, Putrajaya

5. KBS menyeru mana-mana pemilik fasiliti sukan, sama ada dari pihak kerajaan mahupun swasta untuk tampil ke hadapan menawarkan fasiliti sukan kepada PSK demi pembangunan bakat serta prestasi sukan negara.
6. **Maklumat lanjut** atau **pertanyaan** mengenai inisiatif **1Sukan 1Fasiliti**, sila hubungi sekretariat di talian **03-8871 3242/3319/3313** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

28 OGOS 2023

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan di talian 03-8871 3100.